

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 MAY 2015



JAMALUDIN YUSOF

um - 1/5/2015

Pekida mahu Mahathir- Najib bertemu

KUALA LUMPUR 30 April - Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida) menyarankan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk berbincang mengenai masalah dalaman negara dan isu-isu berbangkit.

Presiden Pekida, Jamaludin Yusof berkata, pihaknya yakin tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan melalui perbincangan.

Katanya, Dr. Mahathir disanjung tinggi masyarakat manakala Najib juga mempunyai cita-citanya sebagai pemimpin dan keduanya dihormati.

"Saya merayu kepada Dr. Mahathir supaya memberi peluang kepada kepemimpinan Najib. Kami menganggap Dr. Mahathir sebagai bapa dan kita harap beliau dapat memberi nasihat dengan cara yang baik," katanya dalam sidang akhbar bagi menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan Najib di sini hari ini.

Pekida kini mempunyai 235,000 ahli di seluruh negara.

Jamaludin menambah, pihaknya menyokong kepemimpinan Najib kerana mahu program-program yang ingin dilaksana di negara ini dapat dicapai menjelang 2020.

Beliau memberitahu, pihaknya juga bimbang sekiranya tentangan yang berterusan terhadap kepemimpinan Najib hanya menyebabkan perkara tidak diingini berlaku malah pihak luar akan mengambil kesempatan.